

03/05/1997

Pemimpin berwibawa besar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Abu Hassan Omar yang bakal dilantik menjadi Menteri Besar Selangor menggantikan Tan Sri Muhamad Muhd Taib, dianggap pemimpin berwibawa dan mempunyai ketokohan besar.

Dilahirkan pada 15 September 1940 di Bukit Belimbing, Kuala Selangor, beliau mula bergiat dalam politik secara serius apabila memenangi kerusi Parlimen Kuala Selangor dalam pilihanraya 1978.

Beliau adalah ahli politik dan wakil rakyat pertama yang berasal dari Kuala Selangor kerana sebelum ini semua Ahli Parlimen adalah orang luar.

Abu Hassan adalah ahli politik yang berpengalaman luas. Beliau pernah menjadi pegawai tadbir dan diplomatik daripada 1964 hingga 1978 dan turut memegang beberapa jawatan penting seperti Ketua Penolong Pegawai Daerah Kuala Lumpur.

Beliau juga pernah menjadi Pegawai Daerah Hulu Langat, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Tanah dan Wilayah.

Pada 20 Jun 1978, beliau meletak jawatan dan menceburkan diri secara aktif dalam politik dan menang apabila bertanding dalam pilihan raya pada 8 Julai 1978. Beliau sudah empat penggal memegang jawatan Ahli Parlimen Kuala Selangor.

Sebelum dilantik Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, beliau adalah Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (27 Julai 1978 - 15 September 1980), Timbalan Menteri Pengangkutan (17 September 1980 - 16 Julai 1984).

Beliau dilantik Menteri Kebajikan Masyarakat (17 Julai 1984 - 10 Ogos 1986), Menteri Wilayah Persekutuan (11 Ogos 1986 - 19 Mei 1987) dan Menteri Luar Negeri (20 Mei 1987 - 14 Mac 1991).

Beliau berpendidikan Sekolah Rendah Kebangsaan Bukit Belimbing, Sekolah Tinggi Klang dan Kolej Melayu Kuala Kangsar sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti Hull, England.

Nama Abu Hassan sebenarnya sudah banyak kali disebut untuk jawatan Menteri Besar. Kali pertama namanya disebut ialah pada 1986, bagi menggantikan Datuk Ahmad Razali Mohd Ali. Bagaimanapun ia tidak menjadi kenyataan apabila Muhammad dilantik menjadi Menteri Besar.

Nama Abu Hassan timbul semula, di samping beberapa nama lain, apabila Muhammad meletak jawatan pada 14 April lalu. Akhirnya, hari ini nama Abu Hassan secara rasmi diumumkan sebagai bakal Menteri Besar Selangor yang baru.

Bagi Umno Selangor, beliau dianggap calon yang berwibawa dan terbaik untuk diketengahkan sebagai pemimpin politik peringkat atasan. Tidak hairanlah Abu Hassan pernah dipujuk beberapa pihak supaya menerima tawaran menjadi calon sejak 1969 tetapi menolak.

Dalam pilihanraya lalu, beliau menewaskan calon Semangat 46, Amin Hussaini Abdul Manan dengan majoriti 23,460 undi.

Abu Hassan menganggap kerjaya politik adalah amanah dan perlu dilakukan secara serius dan bukannya untuk mencari untung.

Antara ahli politik tempatan, Abu Hassan dianggap setia kepada tugas dan ketua. Ini terbukti selepas perhimpunan agung Umno 1990, beliau setia kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau menganggap kesetiaan itu amat penting bukan hanya kepada pemimpin tetapi sesiapa sahaja. "Jika seseorang ahli politik itu tidak setia kepada pemimpin, bagaimana pengikut akan setia kepadanya."

(END)